

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 27 Julai 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA  
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,  
MALAYSIA, JUN 2023**

---

**Indeks Nilai Seunit Eksport & Import meningkat secara marginal pada Jun 2023,  
masing-masing dengan 0.1 peratus dan 0.4 peratus**

**PUTRAJAYA, 27 JULAI 2023** – Harga eksport Malaysia pada Jun 2023, meningkat secara marginal 0.1 peratus daripada 141.7 mata pada bulan sebelumnya kepada 141.8 mata. Selaras dengan itu import turut meningkat 0.4 peratus daripada 127.9 mata kepada 128.4 mata manakala terma perdagangan Malaysia jatuh 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 110.4 mata pada Jun 2023, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Jun 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barang selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Indeks nilai seunit eksport meningkat secara marginal 0.1 peratus pada Jun 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh peningkatan indeks makanan (+1.4%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+1.2%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+0.7%). Selain itu, indeks volum eksport mengekalkan trend kenaikan dengan 3.7 peratus pada bulan yang sama, selaras dengan kenaikan indeks alat jentera & kelengkapan

pengangkutan (+12.6%), barang-barang keluaran kilang (+10.6%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+2.6%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim merosot 7.3 peratus daripada 170.1 mata kepada 157.7 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit menyusut 4.9 peratus manakala indeks volum eksport jatuh 9.6 peratus.


Indeks nilai seunit import turut meningkat 0.4 peratus pada Jun 2023, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+1.7%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+1.5%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+0.2%). Manakala, indeks volum import merosot 5.8 peratus pada Jun 2023 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kejatuhan indeks bahan kimia (-12.2%), barang-barang keluaran kilang (-11.1%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-7.2%). Indeks volum import pelarasan bermusim turut jatuh 6.5 peratus daripada 186.5 mata kepada 174.3 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import menyusut 4.7 peratus manakala indeks volum merosot 14.8 peratus."

Di samping itu, terma perdagangan Malaysia jatuh 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 110.4 mata pada Jun 2023, didorong oleh kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-5.5%), minyak galian (-1.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.3%). Terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun juga susut 0.3 peratus daripada 110.7 mata pada Jun tahun lalu.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import**  
Januari 2021 – Jun 2023

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
27 JULAI 2023**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 27<sup>th</sup> 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,  
MALAYSIA, JUNE 2023**

---

***Export & Import Unit Value Indices increased marginally in June 2023  
by 0.1 per cent and 0.4 per cent, respectively***

**PUTRAJAYA, JULY 27, 2023** – Malaysia's export prices in June 2023, increased marginally by 0.1 per cent from 141.7 points in the previous month to 141.8 points. Similarly, imports also increased 0.4 per cent from 127.9 points to 128.4 points while Malaysia's terms of trade fell 0.4 per cent month-on-month to 110.4 points in June 2023 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), June 2023**. This publication presents the unit value and volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The export unit value index increased marginally by 0.1 per cent in June 2023 compared to the previous month, led by the increase in the index of food (+1.4%), machinery & transport equipment (+1.2%) and miscellaneous manufactured articles (+0.7%). In addition, the export volume index remain on the upward trend by 3.7 per cent in the same month, in line with the increase in the index of machinery & transport equipment (+12.6%), manufactured goods (+10.6%) and miscellaneous manufactured articles (+2.6%). The seasonally adjusted export volume index declined 7.3 per cent from 170.1 points to 157.7 points.

*Referring to the annual comparison, the unit value index decreased by 4.9 per cent while the export volume index fell by 9.6 per cent.*


*The import unit value index also increased by 0.4 per cent in June 2023, attributed by the increase in the index of animal & vegetable oils & fats (+1.7%), machinery & transport equipment (+1.5%) and miscellaneous manufactured articles (+0.2%). Meanwhile, the import volume index declined 5.8 per cent in June 2023 compared to the previous month, contributed by the fall in the index of chemicals (-12.2%), manufactured goods (-11.1%) and machinery & transport equipment (-7.2%). The seasonally adjusted import volume index also fell 6.5 per cent from 186.5 points to 174.3 points. A year-on-year comparison showed that the import unit value index decreased by 4.7 per cent while the volume index decreased by 14.8 per cent."*

*In addition, Malaysia's terms of trade fell 0.4 per cent month-on-month to 110.4 points in June 2023, driven by the fall in the index of animal & vegetable oils & fats (-5.5%), mineral fuels (-1.3%) and machinery & transport equipment (-0.3%). Malaysia's terms of trade shrank by 0.3 per cent year-on-year from 110.7 points in June of the previous year.*

*DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".*



**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices**

**January 2021 – June 2023**

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**27 JULY 2023**